

## **PENGARUH QIRAAT TERHADAP PEMBENTUKAN HUKUM DALAM MAZHAB AL-SYAFIE**

Wan Hakimin Bin Wan Mohd Nor  
Pensyarah Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
Wanhakimin@Kuis.Edu.My

Mohd Asri Bin Ishak  
Pensyarah Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abdul Hakim Bin Baharudin  
Pensyarah Fakulti Syariah Dan Undang-Undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan  
Pensyarah Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **Abstrak**

*Al-Quran merupakan kalamullah yang berupa mukjizat dari Allah SWT. Al-Quran yang sampai kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan Jibrail a.s dibaca secara talaqqi dan mushafahah oleh baginda seterusnya disampaikan pula kepada para sahabat dengan bentuk sab'ah ahruf yang berbeza. Ini menunjukkan perbezaan Qiraat sememangnya wujud dan sabit bacaannya dari Rasulullah SAW. Jika dikaji dan diteliti sebenarnya kepelbagaian Qiraat ini mempunyai pengaruh yang besar terhadap penafsiran ayat al-Quran dan pembentukan hukum. Oleh sebab itu, kepelbagaian Qiraat ini juga turut digunapakai oleh kebanyakan fuqaha dan Imam-imam mazhab yang empat sebagai hujah dalam menginsbatkan sesuatu hukum fiqh. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh Qiraat terhadap pembentukan hukum dalam mazhab al-Syafie serta justifikasi penggunaannya. Kajian ini sebagai pengenalan awal terhadap manhaj yang digunakan Imam al-Syafie ketika berinteraksi dengan Qiraat dan Fiqh. Pemilihan Imam al-Syafie sebagai subjek kajian kerana beliau merupakan tokoh fiqh yang berpengaruh di alam Nusantara dan banyak fatwa dan fiqh beliau digunapakai sebagai rujukan dan silibus dalam pengajian di masjid, institusi pengajian tinggi dan pusat pengajian pondok di alam Melayu Nusantara. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif berasaskan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa mazhab al-Syafie berhujah menggunakan Qiraat dalam mengeluarkan sesuatu hukum tetapi menolak penghujahan hukum fiqh dengan Qiraat shadhhdhah.*

**Kata Kunci:** *Mushafahah, Qiraat, Fatwa, Nusantara, Fuqaha*

### **1. Pengenalan**

Para ulama menggariskan disiplin utama dalam menafsirkan al-Quran seseorang itu mestilah menguasai Bahasa Arab. Mereka menjadikannya sebagai prasyarat dalam menceburi bidang ini (Hilmah Latif 2013). Tanpa penguasaan Bahasa Arab terlebih dahulu, penafsiran al-Quran yang dilakukan boleh menyimpang dari maknanya yang sebenar serta implikasinya sangat negatif terhadap autoriti sumber utama perundangan Islam.

Sesungguhnya wasilah untuk memahami tafsiran al-Quran begitu banyak. Jalan untuk sampai kepada sesuatu hukum yang datangnya syariat mempunyai metode dan wasilah yang pelbagai. Semua ini tidak akan tercapai dengan sempurna melainkan penguasaan yang mapan dalam Bahasa Arab yang merupakan kunci utama dalam memahami penafsiran al-Quran. Tidak dapat dinafikan lagi, Qiraat memainkan peranan penting dalam penafsiran al-Quran. Khilaf dalam Qiraat mempunyai pengaruh yang besar dalam pembentukan sesuatu hukum fiqh. Ulama Qurra' bersepakat bahawa Qiraat boleh dijadikan sebagai hujah dalam pembinaan hukum fiqh. Antara tokoh ulama besar yang menerima Qiraat boleh dijadikan sebagai hujah dan beramal dengannya adalah Imam al-Syafie.

Imam al-Syafie bukanlah ulama yang terkenal dalam bidang Qiraat, beliau merupakan tokoh ulama yang faqih dan alim dalam bidang fiqh. Banyak ijtihad dan fatwa beliau dalam bidang fiqh yang digunapakai dan menjadi rujukan oleh umat Islam di alam Nusantara serta pengaruhnya banyak tersebar ke serata dunia. Dalam kajian ini penulis mengemukakan 3 contoh penggunaan Qiraat dalam pembentukan hukum di sisi mazhab al-Syafie. Pemilihan Mazhab al-Syafie sebagai subjek kajian kerana ia menjadi rujukan pegangan dan banyak karya dan pandangan mazhabnya digunapakai sebagai silibus pengajian agama di Asia Tenggara. Pengkaji juga mendapati di antara 4 mazhab besar yang terkenal, hanya mazhab al-Syafie yang tidak menerima Qiraat *shadhdhah* sebagai hujah. Namun ulama lain selainnya seperti mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali menerima *Qiraat shadhdhah* sebagai hujah ataupun dalil dalam menghasilkan sesuatu hukum fiqh.

## 2. Bibliografi Imam Al-Syafie

Nama sebenar beliau ialah Abu Abdullah Muhammad bin Idris al-Syafie bin 'Abbas bin Shafi' al-Mutallibi al-Qurashi atau singkatannya Imam al-Syafie. Beliau dilahirkan di Gaza, Palestin pada tahun 150H/ 767M dan wafat di Fusthat, Mesir pada tahun 204 H/ 819M). Beliau merupakan seorang imam besar dalam bidang fiqh dan juga pengasas bagi mazhab al-Syafie. Imam al-Syafie juga merupakan jalur keturunan dari susur galur Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam, ia termasuk dalam Bani Mutallib, iaitu keturunan dari al-Mutallib, saudara dari Hashim, yang merupakan kakak kepada Muhammad.

Ketika berusia 2 tahun beliau dibawa ke Mekah dan mula berjinak menghafal al-Quran ketika usianya mencecah 7 tahun. Kemudian beliau mula mempelajari bidang Fiqh dan Ulum al-Quran daripada ulama-ulama di sana serta mula menghafal kitab Muwatta' karangan Imam Malik ketika berusia 10 tahun. Setelah itu beliau diberi keizinan untuk berfatwa di Mekah ketika umurnya 15 tahun. Kemudian beliau meneruskan kehidupannya dalam dunia ilmu dengan berkelana ke Madinah untuk belajar ilmu Hadith daripada Imam Malik dan juga ulama Madinah. Setelah itu beliau pergi ke perkampungan Badwi dengan melazimi qabilah Huzail yang terkenal dengan kefasihan dalam Bahasa Arab, ilmu al-Bayan dan syair serta menghafal bahasa dan syair-syair Arab.

Setelah itu, Imam al-Syafie meneruskan perjalanan ilmu ke Iraq sebanyak 2 kali. Di sana beliau mempelajari Fiqh al-Ra'yi daripada Imam Muhammad bin Hasan al-Shaybani dan bertemu dengan Imam Ahmad bin Hanbal. Semasa di Iraq, beliau mengajar ilmu Fiqh dan menyebarkan ilmunya. Setelah itu, beliau berkelana ke Mesir mengembangkan mazhabnya dan menetap di sana sehinggalah dia wafat pada tahun 204H/ 820M.

Imam al-Syafie merupakan seorang yang terkenal dengan kebijaksanaan dan cerdas akalunya. Pada dirinya terdapat semangat keberanian dan sifat kepahlawanan. Beliau juga terkenal sebagai antara Quraish yang paling bijak dalam memanah. Di samping itu, dikenali sebagai seorang yang fasih lisannya dan kalamnya menjadi hujah dalam bahasa. Dia juga seorang penyair dan mempunyai Dewannya sendiri.

Imam al-Syafie juga telah menghimpunkan antara Fiqh Hijaz dan Fiqh Iraq serta mengharmonikan di antara dua madrasah iaitu madrasah al-hadith dan madrasah al-ra'yi. Beliau merupakan orang yang paling awal yang mengarang dan menyusun Usul al-Fiqh dengan mengarang sebuah kitab yang bernama al-Risalah yang terkenal dan menjadi asas dan dasar yang penting dalam ilmu Usul al-Fiqh (al-Zuhaili, 2010)

### 3. PENGERTIAN QIRAAT

*Qiraat* secara etimologi merupakan *isim mashdar* dari kata قَرَأَ - يَقْرَأُ - قِرَاءَةً yang ertinya baca, membaca. Sedangkan secara terminologi telah dikemukakan oleh para pakar al-Quran, di antaranya:

1. Menurut al-Zarqani dalam kitab *Manahil al-'Urfan fi 'Ulum al-Qur'an* sebagaimana yang dinukilkan oleh Hasanuddin AF, *Qiraat* adalah perbezaan lafaz-lafaz al-Quran yang berkaitan dengan penyebutan huruf ataupun tatacara pengucapan huruf-huruf tersebut (Hasanuddin, 1995).
2. Menurut Imam Syihabuddin al-Qatalani dalam kitabnya *Lataif al-Isyarat fi Funun al-Qiraat* sebagaimana yang dinukilkan oleh Nur Faizah, menjelaskan bahawa *Qiraat* adalah suatu ilmu untuk mengetahui kesepakatan serta perbezaan para ulama *Qiraat* (tatacara pengucapan lafaz al-Quran) yang berkaitan dengan aspek *lughah, i'rab, hazf, ithbat, fashl, washl* yang diperolehi dengan cara periwayatan (Faizah, 2008).
3. Menurut Ali al-Sabuni dalam kitabnya *al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*, *Qiraat* ialah salah satu aliran dalam mengucap al-Quran yang dipakai oleh salah satu imam *qurra'* yang berbeza dengan lainnya dalam hal ucapan berdasarkan sanad-sanad sehinggalah sampai kepada Rasulullah SAW (al-Sabuni, 1991).

Penulis menyimpulkan dari beberapa pendapat diatas bahawa *Qiraat* adalah suatu ilmu yang membahaskan tentang perbezaan tatacara pengucapan lafaz-lafaz, metode dan riwayat al-Quran yang disandarkan kepada tujuh imam *qurra'* sebagai suatu mazhab yang berbeza-beza dengan yang lainnya.

### 4. Syarat Dan Rukun Qiraat Yang Sahih Atau Mutawatir

*Qiraat mutawatir* ialah *Qiraat* yang diriwayatkan dalam satu kelompok yang ramai yang tidak mungkin berlakunya pendustaan dan sumpamannya sehingga ke akhirnya (al-Qattan, 2009).

Ulama *Qiraat* menggariskan beberapa syarat untuk menerima *Qiraat* yang sahih. Apabila periwayatan dalam *Qiraat* menepati syarat-syarat ini maka ia diterima sebagai *Qiraat* yang sahih dan tidak boleh dinafikan ataupun mengingkarinya. Justeru, sekiranya *Qiraat* ini gugur salah satu dari syarat tersebut maka ia dikira sebagai *Qiraat* yang *daif, shadh* atau *batil*. Ulama *Qiraat* meletakkan 3 syarat terbentuknya *Qiraat* yang sahih (al-Hamdani, 2015), iaitu:

- 1) *Qiraat* tersebut hendaklah sahih dari sudut sanadnya kerana *Qiraat* adalah *sunnah muttaba'ah* yang mesti menepati kesahihan dari sudut riwayat. Justeru, perawi yang meriwayatkan *Qiraat* tersebut mestilah bersifat '*adl dan dhabt*, sanadnya bersambung sehingga sampai kepada Rasulullah SAW, tidak *shadhdh* dan tiada '*illah* (kecacatan).
- 2) Hendaklah *Qiraat* yang sahih menepati penulisan *rasm uthmani* sepertimana yang ditulis pada zaman Uthman bin 'Affan r.a. Tidak disyaratkan *Qiraat* yang sahih itu menepati semua mushaf bahkan mencukupi hanya menepati sebahagiannya sahaja.
- 3) Selain itu, bacaan *Qiraat* mestilah menepati salah satu wajah-wajah Bahasa Arab.

Kata Ibn al-Jauzi: “Setiap Qiraat yang menepati Bahasa Arab sekalipun ia menepati salah satu wajah dan bertepatan dengan salah satu mushaf uthmani serta sahih dari sudut sanadnya maka ia dianggap sebagai Qiraat yang sahih yang tidak sepatutnya dinafikan dan diingkari kesahihannya. Ini kerana ia termasuk dalam salah satu dari tujuh huruf yang diturunkan padanya al-Quran. Maka menjadi suatu kewajipan untuk menerimanya sama ada ia bersumberkan dari Qiraat tujuh atau Qiraat sepuluh atau mana-mana imam selain mereka yang diterima. Dan apabila gugur salah satu rukun dari ketiga-tiga rukun ini maka ia disebut sebagai Qiraat yang dhaif, shadh atau batil.”

Berdasarkan huraian di atas, Qiraat yang sahih bermaksud Qiraat yang *maqbul* (diterima) dan ia mempunyai syarat dan rukun yang ketat yang mesti mencukupi salah satu dari 3 syarat di atas.

## 5. Hukum Beramal Dengan Qiraat

Sebenarnya permasalahan khilaf Qiraat al-Quran perbincangannya tidak hanya terhad pada ulama Bahasa dan Nahu, bahkan ia turut mempengaruhi dan memberi kesan ke atas hukum fiqh (al-Hamdani, 2015). Ini kerana setiap Qiraat yang dibaca mempunyai maknanya yang tersendiri dalam menafsirkan ayat al-Quran yang datang dalam bentuk hukum. Namun, di sana ulama berbeza pendapat tentang hukum beramal dan berhujah dengan Qiraat.

Hukum membaca dan beramal dengan Qiraat yang *mutawatir* adalah harus kerana ia merupakan Qiraat yang sabit dari Rasulullah SAW dan *maqbul* di sisi para *qurra*. Manakala Qiraat *shadhdhah*, ulama bersepakat tidak harus membacanya di dalam solat atau selainnya. Sesiapa yang membacanya mestilah bertaubat (al-Hamdani, 2015).

Penulis berpendapat sekalipun Qiraat *shadhdhah* tidak harus membacanya di dalam solat atau tujuan selainnya tetapi ia harus untuk tujuan menuntut ilmu dan kajian ilmiah sahaja.

## 6. Sanad Bacaan Qiraat Imam Al-Syafie

Setakat pemerhatian, penulis menemui sanad bacaan Qiraat Imam al-Syafie dalam kitab *Adab al-Syafie wa Manaqibuhu* berdasarkan kepada sanad hadith (al-Razi, 1993) berikut:

"(أنا) الشَّافِعِيُّ: ثنا إسماعيلُ بن عبد الله بن قُسْطَنْطِينٍ (يَعْنِي: قَارِئُ مَكَّةَ) : قال : قرأتُ عليَّ شِيبِلَ (يعني : ابنَ عَبَّادٍ) وأخْبَرَ شِيبِلٌ : أنه قرأ عليَّ عبدَ اللهِ بن كثيرٍ وأخبر عبدَ اللهِ بن كثيرٍ : أنه قرأ عليَّ مُجاهدٍ وأخبر مجاهدٌ : أنه قرأ عليَّ ابنِ عَبَّاسٍ وأخبر ابنِ عَبَّاسٍ : أنه قرأ عليَّ أبي بن كعبٍ، وقرأُ أبيُّ بن كعبٍ : عليَّ رسولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عليه وسلم."

Maksudnya:

“Akulah Syafie: telah menceritakan kepada aku Ismail bin ‘Abdullah Ibn Qusthanthin (iaitu seorang Qari Mekah): beliau telah berkata: aku telah membacakan ke atas Shibl (iaitu anak Ibn ‘Abbad) dan beliau mengkhabarkan: bahawa dia telah membacakan ke atas Abdullah Ibn Kathir dan beliau mengkhabarkan: bahawa dia telah membacakan ke atas Mujahid dan beliau mengkhabarkan: bahawa dia telah membacakan ke atas Ibn ‘Abbas dan beliau mengkhabarkan: bahawa dia telah membacakan ke atas Ubay bin

*Ka'ab dan beliau telah membaca di hadapan Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam."*

## 7. Pengaruh Perbezaan Qiraat Dalam Istinbat Hukum

Adapun perbezaan *qiraat* al-Qur'an yang khusus menyangkut berkenaan ayat-ayat hukum dan berpengaruh terhadap *istinbath* hukum, iaitu:

1. Mengukuhkan atau menguatkan ketentuan hukum yang telah disepakati dan di-*ijma'*-kan para ulama'.
2. Men-*tarjih*-kan hukum yang di-*ikhtilaf*-kan oleh para ulama'.
1. Menggabungkan dua ketentuan hukum yang berbeza.
2. Menunjukkan adanya dua ketentuan hukum yang berbeza dalam keadaan yang berbeza.
3. Menjadi *hujjah* sementara ulama untuk memperkuat pendapatnya mengenai sesuatu masalah hukum.
4. Menjelaskan suatu hukum dalam suatu ayat yang berbeza dengan makna menurut *dhahir*-nya.
5. Berperanan sebagai penjelas terhadap suatu lafaz dalam al-Quran yang mungkin sulit untuk difahami maknanya ('Adzim, 2015-2016).

## 8. Penghujahan Mazhab Syafie Dengan Qiraat Dan Kesannya Terhadap Hukum Fiqh

Di sini penulis mengemukakan tiga contoh ayat yang menjelaskan perbezaan *Qiraat* yang memberi kesan pada taujih hukum.

### Masalah Pertama: Hukum Kesucian Darah Haid

Penggabungan dua ketentuan hukum yang berbeza. Seperti firman Allah:

وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ<sup>1</sup>

Maksudnya:

*"Dan janganlah kamu mendekati mereka, sebelum mereka suci. apabila mereka telah suci"*.

Ayat tersebut merupakan larangan bagi seorang suami dari melakukan hubungan seksual dengan isterinya dalam keadaan haid. Ibn Kathir menukilkan pendapat Ibn Abbas, beliau mengatakan bahawa حَتَّى يَطْهُرْنَ *"sehingga mereka suci"* bermaksud suci dari darah haid. Dan maksud فَإِذَا تَطَهَّرْنَ *"Jika mereka telah bersuci"* adalah mandi dengan air.

<sup>1</sup> Al-Baqarah: 222

Lafaz *يَطْهَرْنَ* menurut beberapa Imam mempunyai 2 wajah, iaitu:

- a. Menurut Imam Nafi', Imam Abu 'Amru, Imam Ibn Kathir, Imam Ibn 'Amir, Imam 'Ashim dalam riwayat Imam Hafsh dibaca *يَطْهَرْنَ* yang bererti "*darah mereka berhenti*". Jadi isteri yang haid tidak boleh disetubuhi sehingga berhenti darah haidnya, meskipun sebelum mandi *jinabah*.
- b. Menurut Imam Hamzah, Imam Kisa'i, Imam 'Asim dalam riwayat Abu Bakar dibaca *يَطَّهَّرْنَ* (*yathahharna*) yang bererti "*darah mereka berhenti dan sudah mandi jinabah*". Jadi isteri yang haid tidak boleh di-*jima*' sehingga berhenti darah haidnya dan hukumnya harus setelah mandi. (Af, 1995) (Rahmani, 2010)

Dalam masalah ini, menurut majoriti *ulama*' lafaz yang dibaca *tashdid* pada *يَطْهَرْنَ* itu menjelaskan maknanya lafaz yang dibaca *takhfif* *يَطَّهَّرْنَ* (*yathhurna*). Qiraat *takhfif* dalam ayat ini menunjukkan terputus haid.

### Masalah Kedua: Hukum Solat Di Belakang Maqam Ibrahim

Firman Allah SWT:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا وَاتَّخِذُوا مِن مَّقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصَلًّى وَعَهِدْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنَّ طَهِّرَا بَيْتِيَ  
لِلطَّائِفِينَ وَالْعَاكِفِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ<sup>2</sup>

Maksudnya:

*"Dan (ingatlah), ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullah) tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah sebahagian maqam Ibrahim tempat salat. Dan telah Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Ismail: "Bersihkanlah rumah-Ku untuk orang-orang yang tawaf, yang iktikaf, yang rukuk dan yang sujud". (al-Baqarah: 125)*

Ayat di atas merupakan hukum solat di belakang maqam Ibrahim selepas bertawaf. Ulama berbeza pendapat dalam menentukan hukum wajib atau sunat berdasarkan hujah pada perbezaan Qiraat.

Lafaz *اتَّخِذُوا* menurut beberapa Imam mempunyai 2 wajah, iaitu:

- a. Menurut Nafi' dan Ibn 'Amir dibaca *اتَّخِذُوا* dengan *fathah* (baris atas) yang bermaksud "*mereka telah mengambil*". Jadi, perkataan *اتَّخِذُوا* dalam ayat ini datang dalam bentuk *fi'il madhi* yang memberi makna perkhabaran tentang perbuatan golongan awwalin.
- b. Menurut baki Qurra' *اتَّخِذُوا* dibaca dengan *kasrah* (baris bawah) dalam bentuk kata perintah yang bermaksud "*ambillah kamu semua!*". Jadi, kata perintah pada perkataan *اتَّخِذُوا* menunjukkan ia suatu perintah yang wajib dibuat. Maksudnya selepas tawaf wajib bersolat di belakang maqam Ibrahim.

---

<sup>2</sup> Al-Baqarah: 125.

Dalam masalah ini, satu pendapat mazhab al-Syafie berpegang dengan hujah Qiraat dibaca اتخذوا dengan *fathah* (baris atas) yang bermaksud “mereka telah mengambil” yang dibina di atas wazan fi’il madhi. Ini bermakna pendapat ini juga sebaris dengan ulama lain seperti mazhab Hanafi dan mazhab Zaidi.

Manakala perkataan yang dibaca اتخذوا dengan *kasrah* pada huruf kha’ (baris bawah) yang datang dalam bentuk kata perintah bermaksud “ambillah kamu semua!”. Qiraat ini juga dipegang oleh salah satu pendapat dalam mazhab al-Syafie.

Solat di maqam Ibrahim adalah sunat (*istihbab*) berdalilkan Qiraat baris atas kerana ayat yang datang adalah dalam bentuk perkhayaban, maka ia bermakna kami jadikan baitullah sebagai tempat tumpuan manusia maka jadikan maqam Ibrahim itu sebagai tempat solat dengan hujah baris bawah yang bermaksud *istihbab* (sunat).

Mereka juga menjawab ke atas pendapat yang pertama bahawa ayat tersebut bukanlah menunjukkan ia wajib kerana perintah di sana hanyalah mengambil maqam Ibrahim sebagai tempat solat bukan pada zat solat itu sendiri. Lantaran itu, Hasan Basri dan selainnya berkata: “Yang dimaksudkan dengan firman Allah ialah tempat solat iaitu kiblat” (al-Hamdani, 2015).

### Masalah Ketiga: Hukum Kedua-Dua Kaki Ketika Wuduk

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ ...<sup>3</sup>

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku dan sapulah sebahagian dari kepala kamu dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali ...”

Ayat di atas merupakan hukum membasuh kaki ketika berwuduk. Hakikatnya berlaku khilaf di kalangan ulama tentang tatacara berwuduk berdasarkan perbezaan Qiraat.

Lafaz أرجلكم menurut beberapa Imam mempunyai 2 wajah, iaitu:

- Menurut Ibn Kathir, Abu ‘Amru, Abu Bakar daripada ‘Asim dan Hamzah dan Kisa’i dibaca أرجلكم dengan *kasrah* (baris bawah) yang bermaksud “sapulah pada kaki-kaki kamu”. Jadi, perkataan أرجلكم dalam ayat ini datang dalam bentuk
- Menurut Nafi’, Ibn ‘Amir, Ya’akub dan Hafsh ‘an A’shim, Abu Bakar dibaca أرجلكم dengan *fathah* (baris atas) yang bermaksud “basuhlah kaki-kaki kamu”.

Berdasarkan bacaan kedua-dua Qiraat ini, ulama berselisih pendapat tentang hukum kedua-dua kaki ketika wuduk. Dalam konteks perbezaan ini, ulama Syafi’ieyyah berhujah

<sup>3</sup> Al-Ma’idah: 6.

dengan Qiraat yang dibaca *أرجلكم* dengan baris atas pada huruf lam. Ia membawa makna wajib membasuh kedua-dua kaki. Pendapat ini juga selari dengan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali (al-Hamdani, 2015).

## Kesimpulan

1. Walaupun Imam al-Syafie tokoh yang terkenal dalam bidang fiqh dan bukanlah ulama yang terkenal dalam bidang al-Qiraat, tetapi sebenarnya beliau seorang yang pakar dalam bidang Qiraat. Perkara ini diakui dan disebut oleh al-Mubarrad dalam kitab al-Mu'tamad (al-Zuhaili, 2010) dengan katanya:

كان الشافعي أشعر الناس وأدبهم وأعرفهم بالفقه والقراءات

Maksudnya:

“Imam al-Syafie seorang yang sangat pakar dalam syair, mempunyai ketinggian dalam kesusasteraan dan antara orang yang paling pakar dalam bidang fiqh dan Qiraat.”

2. Mazhab al-Syafie berhujah dan beramal dengan Qiraat yang sah (*mutawatirah*), namun tidak mengharuskan berhujah dengan *qiraat shadhdhah* kerana ia bukan sebahagian dari al-Quran. Berbeza dengan baki 3 mazhab yang lain, mereka menerima Qiraat yang sah (*mutawatirah*) dan *shadhdhah* sebagai hujah dalam menginstibatkan sesuatu hukum.
3. Berdasarkan riwayat sah yang ditemui, Imam al-Syafie beramal dan membaca dengan Qiraat Ibn Kathir. Rantainya sanad tersebut sampai kepada Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* (al-Razi, 1993).
4. Perbincangan ayat-ayat hukum dalam perbahasan ini menunjukkan bahawa sememangnya berlaku pengaruh Qiraat dan kesannya terhadap pembentukan hukum dalam mazhab al-Sayfie.

## Rujukan

- 'Adzim, M. F. (2015 - 2016). Qiraat Al-Qur'an. In M. F. 'Adzim, *Makalah Qiraat Al-Qur'an*. Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan (Ftik), Jurusan Pendidikan Agama Islam (Pai), Institut Agama Islam Negeri (Iain), Indonesia.
- al-Hamdani, ' J. (2015). *Ulum al-Quran wa Atharuha fi al-Tafsir al-Fiqhi*. Iraq: Maktabah Amir.
- al-Qattan, M. (2009). *Mabahith fi Ulum al-Quran*. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah al-Nashirun.
- al-Razi, a.-I. a.-J. (1993). *Adab al-Syafie wa Manaqibuhu*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Khanji.
- al-Sabuni, M. A. (1991). *Studi Ilmu Al-Qur'an*. Bandung, Indonesia: CV Pustaka Setia.
- al-Zuhaili, a.-U. a.-D. (2010). *al-Muktamad fi al-Fiqh al-Syafie*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Faizah, N. (2008). *Sejarah Al-Qur'an*. Jakarta Barat: CV Artha Rivera .
- Hasanuddin, A. (1995). *Perbedaan Qiraat dan Pengaruhnya Terhadap Istinbath Hukum Dalam al-Quran*. Jakarta, Indonesia: PT Raja Graafindo Persada.
- Hilmah latif. *Perbedaan Qira'ah Dan Penetapan Hukum*. 2013. Volume 8 nomor 2. Guru Man I Makassar.
- Rahmani, D. I. (2010). *al-Nazm al-Qurani wa Athruhu fi Ahkam al-Tashri'*. Beirut - Lubnan: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.